

19/12/1998

Air: Malaysia mahu balasan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan bersedia menawarkan bekalan air kepada Singapura buat selama-lamanya jika republik itu memenuhi beberapa permintaan Malaysia sebagai balasan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak boleh memberi sesuatu tanpa menerima apa-apa balasan, sedangkan apa yang ditawarkan adalah sesuatu yang kekal berbanding perkara sementara yang boleh ditawarkan republik itu.

Menurut Perdana Menteri, berbanding urus janji air bagi pinjaman, Malaysia mahukan ia dikaitkan dengan isu kereta api; Pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK); pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) dan pasaran tidak rasmi Clob International (Clob).

"Kita mahu bekalkan air ke Singapura untuk selama-lamanya tetapi sudah pasti mesti ada balasannya. Kita tidak boleh memberikan sesuatu dan tidak menerima apa-apa.

"Apa yang kita beri ini untuk selama-lamanya sedangkan apa yang kita terima pada asasnya perkara sementara.

"Kita mahu menyelesaikan masalah kereta api, KIK, Clob dan CPF. Beberapa perkara sewajarnya diselesaikan dengan menetapkan keputusan muktamad," katanya kepada pemberita selepas menemui ketua-ketua peneroka Felda hari ini.

Lebih 2,000 ketua rancangan Felda dari seluruh negara menghadiri majlis sejam itu. Hadir sama ialah Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gadam.

Mengenai tawaran pinjaman dari Singapura, Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak memerlukan pinjaman itu kerana ketika ini, bantuan berkenaan tidak diperlukan.

Menurutnya, bantuan dana dari Jepun sudah mencukupi selain Malaysia akan meminjam daripada bank swasta khususnya bank antarabangsa.

"Kita tidak meminta bantuan mana-mana negara lain. Kami tidak yakin mana-mana negara lain akan menawarkan bantuan," katanya.

Ditanya mengenai tempoh masa untuk menyelesaikan isu-isu itu, Dr Mahathir berkata, ia perlu diselesaikan secara muktamad dan secepat mungkin.

(END)